



RANDUK. Sebahagian jemaah Masjid Hidayatul Solihin terpaksa meranduk banjir selepas menunaikan solat Jumaat di Kampung Sungai Baru Gunung, Alor Setar semalam.



BANTUAN. Ketua Pegawai Operasi Syabas, Datuk Ir. Lee Miang Koi (kiri) menyerahkan 50,000 botol air minuman kepada Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt. Jen. Datuk Zulkifli Zainal Abidin untuk diagihkan kepada mangsa banjir negeri Kedah dan Perlis di Kuala Lumpur semalam.



TENGGELAM. Walaupun keadaan banjir di Perlis sudah beransur pulih namun beberapa kawasan di sekitar Arau masih digenangi banjir semalam.

Kedah kritikal, Perlis mula surut

Oleh AHMAD SYAHIR KASSIM, SHAH NIZAM OMAR dan FAIZAL NAZARUDDIN
berita@kosmo.com.my



ALOR SETAR - Keadaan banjir di Kedah semakin kritikal apabila jumlah penduduk yang dipindahkan meningkat kepada 39,783 orang berbanding 28,569 orang semalam manakala keadaan di Perlis semakin baik dengan jumlah mangsa di pusat pemindahan menurun kepada 11,965 orang daripada 15,027 orang semalam.

Di **Kedah**, jumlah penduduk yang dipindahkan meningkat di tiga daerah utama iaitu Kubang Pasu, Kota Setar dan Pendang.

Bagi daerah Kubang Pasu, jumlah penduduk yang dipindahkan meningkat kepada 21,111 orang manakala daerah Kota Setar seramai 16,436 orang dan Pendang pula 244 orang.

Jurucakap bilik gerakan Majlis Keselamatan Negara memberitahu, sehingga pukul 4 petang semalam, sebanyak 100 pusat pemindahan banjir dibuka dan daripada jumlah itu 50 adalah di Kubang Pasu, lapan di Padang Terap, 34 di Kota Setar, tujuh di Pokok Sena dan satu di Pendang.

Tinjauan *Kosmo!* di sekitar bandar raya ini semalam mendapati, semakin banyak jalan raya dan premis kerajaan digenangi air manakala beberapa kawasan perumahan berhadapan masalah gangguan bekalan air.

Dalam pada itu, banjir yang melanda Kedah sejak Isnin lalu turut memberi kesan terhadap perkhidmatan Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) di sini apabila 55 pesakit kritikal terpaksa dipindahkan ke lima buah hospital di daerah lain setelah hospital itu mengalami gangguan bekalan air.

Antara hospital terlibat ialah Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Hospital Pulau Pinang, Hospital Kulim dan Hospital Seberang Jaya.

Pengarah Kesihatan negeri, Dr. Marzuki Md. Isa memberitahu, pemindahan mereka bukan disebabkan HSB dinaiki air tetapi berikutan catuan air sejak beberapa hari lalu.

Bagaimanapun, katanya, pemindahan pesakit tersebut tidak seharusnya menimbulkan keadaan panik kepada orang ramai kerana HSB masih beroperasi.

Di **Perlis** pula, banjir teruk sejak Isnin lalu mula menampakkan petanda baik apabila Padang Besar dan Arau kembali pulih namun Kangar masih ditenggelami air pada paras lutut.



SEORANG peniaga, Zurinah Ali (kiri) melayan pelanggan dikedainya yang dilimpahi banjir di Sungai Baru Gunung, Alor Setar semalam.

Jumlah mangsa yang tinggal di pusat pemindahan menunjukkan penurunan kepada 11,965 penduduk melibatkan 2,101 keluarga berbanding 15,027 orang daripada 2,860 keluarga kelmarin.

Mangsa banjir di Kangar merupakan kumpulan yang masih tinggal di 47 pusat pemindahan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang terdapat di seluruh Perlis manakala 1,475 orang telah dibenarkan pulang.

Jalan raya di sekitar Padang Besar dan Arau kini boleh dilalui kenderaan ringan namun di Kangar hanya kenderaan pacuan empat roda boleh memasuki ke ban-

dar berkenaan.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Ir. Nishad Mohamed Mohd. Shaffy berkata, banjir di Kangar dijangka surut dalam masa dua atau tiga hari kerana kedudukan bandar itu berada pada paras laut menyebabkan air memerlukan masa untuk mengalir berbanding kawasan tinggi.

"Ia bergantung kepada pasang surut laut, petang ini dijangka laut surut dan akan membawa air dari

INFO Mangsa banjir Perlis dan Kedah

PERLIS. Jumlah mangsa: 11,965 orang (41 pusat pemindahan)
Sekolah ditutup: 86

KEDAH. Jumlah mangsa: 39,783 orang (100 pusat pemindahan)

Kubang Pasu: 21,111 orang (5,740 keluarga)
Kota Setar: 16,436 orang (4,047 keluarga)
Pendang: 244 orang (62 keluarga)
Padang Terap: 354 orang (92 keluarga)
Pokok Sena: 1,738 orang (307 keluarga)

Sekolah ditutup: 56

Infrastruktur yang terjejas: Lapangan terbang, jalan raya, sekolah, pejabat kerajaan dan swasta, jalan kereta api

Ramalan cuaca di Kedah dan Perlis hari ini:

Pagi: Hujan di satu dua tempat di kawasan pantai
Petang: Hujan curah/semantara di satu dua tempat
Malam: Tiada hujan



Lokasi kawasan terjejas akibat banjir

Maklumat setakat pukul 5 petang semalam. Untuk maklumat terkini keadaan banjir, orang ramai boleh menghubungi hotline e-Bencana Alam, Jabatan Kerja Raya di talian 03-2696 7727 (24 jam)

Kangar ke laut," katanya pada di sini semalam.

Dalam pada itu, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) membekalkan sebanyak 50,000 botol air minuman, 20 buah tangki air dan 50 buah tangki statik kepada mangsa-mangsa banjir di pusat pemindahan di Kedah dan Perlis.